

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Tingkat kesedaran hapus aedes cara terbaik perangi denggi

Wan Muhamad
Haikal
Wan Sabri,
Kota Bharu,
Kelantan

Seperti dilaporkan media Jun lalu, jumlah kes demam denggi meningkat sebanyak 7.9 peratus kepada 2,638 kes bagi tempoh 21 hingga 27 Mei, berbanding 2,444 pada minggu sebelumnya.

Peningkatan itu turut merangkumi tiga kes kematian yang disebabkan komplikasi demam denggi.

Hal ini agak merisaukan kerana demam denggi bukan perkara baharu di Malaysia. Malah ia sudah menjadi masalah global sejak Perang Dunia Kedua dengan lokasi panasnya tertumpu di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Amerika Selatan. Kajian akademik melaporkan demam denggi sudah mula dikesan pada 1776, tetapi ia hanya mula difahami sepenuhnya pada awal abad ke-20.

Disebabkan ia masalah global, terdapat vaksin demam denggi diperkenalkan pada 2018. Vaksin pertama di dunia bagi menentang denggi itu ba-

gaimanapun tidak digunakan di Malaysia kerana tiada bukti kukuh mengenai keberkesanannya di buat malah ia berisiko membawa maut.

Bagaimanapun hal itu tidak bermakna denggi tidak boleh dicegah. Umum mengetahui demam denggi adalah jangkitan daripada gigitan nyamuk aedes jenis Aegypti. Orang yang dijangkiti demam denggi ini berpotensi pula untuk menyebarkan kepada orang lain di sekitarnya.

Ia juga terbahagi kepada dua jenis iaitu demam biasa dan demam berdarah. Bagi kes demam denggi yang biasa, pesakit umumnya tidak mengetahui dirinya berhadapan masalah itu. Ini disebabkan gejalanya hampir sama dengan demam biasa yang seakan-akan selesema selama tiga atau tujuh hari sahaja.

Terdapat juga gejala tambahan seperti sakit kepala yang teruk, sakit otot dan sendi serta ada juga berkemungkinan mengalami rasa mual, sakit pe-

rut, muntah, cirit-birit dan ruam pada lengan dan kaki.

Berisiko membawa maut

Demam denggi berdarah pula jauh lebih berbahaya kerana berisiko membawa maut. Ia adalah tahap paling teruk dalam kes jangkitan denggi.

Justeru, apa yang anda boleh lakukan adalah pertamanya meningkatkannya kesedaran, iaitu jika berhadapan dengan gejala di atas, segeralah berjumpa doktor. Rawatan awal boleh mengurangkan gejala dan mampu mengelakkan ia menjadi lebih teruk.

Umumnya selain paracetamol, doktor akan meminta pesakit untuk memperbanyakkan rehat dan minum air. Hal ini bagi menambahkan sel darah putih dalam badan dan mengelakkan daripada pengsan kerana kekurangan tenaga.

Peningkatan jangkitan demam denggi ini tentunya berpunca daripada pembiakan nyamuk aedes betina yang bertelur di kawasan air bertakung. Nyamuk aedes tidak berupaya untuk bertelur di kawasan air yang mempunyai pergerakan seperti tasik, sungai, longkang tidak tersumbat dan sebagainya.

Jadi periksa rumah anda, pastikan tiada air bertakung yang menjadi punca pembiakan nyamuk. Apatah lagi sebagai negara beriklim tropika seperti Malaysia sangat berisiko tinggi menjadi pusat pembiakan aedes kerana cuaca panas dan lembap sepanjang tahun.

Antara langkah yang boleh diambil untuk mencegah peningkatan jangkitan demam denggi adalah dengan menjaga kebersihan setempat. Pastikan tiada air bertakung di rumah, pejabat atau persekitaran anda. Sentiasa juga periksa dan tukar air dalam pasu bunga di rumah bagi mengelakkan pengumpulan air.

Bekas atau takungan air juga perlu sentiasa ditutup, terutama di bilik mandi supaya tidak menjadi tempat pembiakan aedes. Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Unit Perubatan Nuklear sumbang pembangunan ekosistem penjagaan kesihatan tempatan

Iskandar Puteri: Pengesanan penyakit kanser yang tepat dan dibuat lebih awal membolehkan rawatan yang lebih berkesan diberikan kepada pesakit.

Melihat situasi itu, Hospital Gleneagles Johor (GHJ) tampil menubuhkan Unit Perubatan Nuklear yang menempatkan perkhidmatan pengesanan kanser secara digital pertama di Malaysia.

Penubuhan unit itu sekali gus memberikan fasiliti perubatan yang lebih dekat dengan rakyat Johor khususnya, bagi membolehkan mereka mendapatkan rawatan lebih cepat berbanding perlu ke pusat perubatan yang jauh.

Majlis pelancaran unit itu dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif GHJ, Dr Kamal Amzan, baru-baru ini.

Pelancaran unit berkenaan yang serba canggih itu, sekaligus menjadikan Hospital Gleneagles selangkah ke hadapan dalam membawakan standard penjagaan kesihatan yang lebih dekat kepada keperluan masyarakat

kat setempat.

Unit yang dirancang sejak 2019 dan selesai dibangunkan pada tahun lalu itu menjadi antara daya tarikan kepada orang ramai khususnya rakyat Johor serta mereka yang ingin menjalani rawatan dari rantau berdekatan negeri ini.

"GHJ mempunyai sasaran pesakit yang juga datangnya dari seluruh negara dan negara jiran seperti Singapura dan Indonesia. Ini secara tidak langsung membantu kepada industri pelancongan kesihatan apabila ia bukan sahaja menjadi pusat mendapatkan rawatan, tetapi antara lokasi tumpuan pelancongan juga, selain membantu pertumbuhan ekonomi negeri Johor."

Sedia khidmat terbaik

Sementara itu, Dr Kamal berkata, pihaknya didorong dengan visi untuk menyediakan penjagaan kanser yang luar biasa kepada masyarakat setempat.

Beliau berkata, pelancaran

Unit Perubatan Nuklear yang membabitkan peruntukan kira-kira RM40 juta itu membuktikan nilainya dalam pengesanan kanser dengan menggabungkan diagnostik dan rawatan.

"Kami berhasrat untuk mengubah landskap penjagaan kanser, memastikan pesakit mendapat pengesanan awal yang lebih tepat serta menerima penjagaan yang tepat pada masanya."


"Pengesanan awal dan diagnosis penyakit adalah faktor penting dalam mencapai hasil kesihatan yang positif."

"Dengan menawarkan perkhidmatan perubatan nuklear yang komprehensif, kami berhasrat untuk mengubah kebolehpasaran penjagaan kesihatan dengan menghapuskan keperluan pesakit khususnya penduduk Johor sendiri supaya tidak perlu menempuh jarak jauh untuk mendapatkan rawatan khusus," katanya.

Dr Kamal berkata, pihaknya turut menggalakkan pesakit luar



Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital Gleneagles Medini Johor, Dr Kamal Amzan.



Full digital positron emission tomography-computed tomography (PET-CT) scanner menyediakan imej yang lebih jelas.

dari Johor untuk datang ke hospital itu bagi mendapatkan rawatan di unit yang dilengkapi dengan teknologi terkini dan dikendalikan oleh pasukan profesional berkemahiran tinggi.

Selain itu, katanya, pelancaran Unit Perubatan Nuklear itu turut menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekosistem penjagaan kesihatan tempatan.

"Dengan memusatkan teknologi dan kepakaran perubatan canggih, kami menarik profesional mahir ke kawasan ini, menjana peluang pekerjaan dan memupuk pertumbuhan komuniti penjagaan kesihatan yang berketenaga," katanya.

No Siri Kelulusan: KKLIU 1912/
Tarikh tamat 31.12.2025 No Rujukan:
6/2023/P/79

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Kementerian sentiasa ambil kira maklum balas urusan pertukaran

KKM terima 1,843 rayuan penempatan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sebanyak 1,843 rayuan daripada pegawai perubatan bagi mengekalkan penempatan sedia ada selain bertukar ke penempatan lain susulan pelaksanaan urusan pelantikan tetap sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, susulan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan dianggotai wakil daripada beberapa bahagian termasuk sumber manusia telah bersidang sebanyak dua kali bagi mempertimbangkan rayuan terbabit.

"Setelah diteliti justifikasi dikemukakan selain mengambil kira kesinambungan perkhidmatan secara menyeluruh dan faktor kekosongan jawatan, rayuan mempunyai asas kukuh telah diluluskan serta keputusan rayuan dimaklumkan kepada pegawai.

"Justeru, KKM menghargai semua pegawai perubatan, pergi-



KERATAN Kosmo! 5 April 2023.

gian dan farmasi yang telah melaporkan diri ke tempat bertugas baharu pada 31 Julai 2023 kerana mendahulukan kepentingan perkhidmatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, melalui penempatan baharu itu, pegawai akan memperoleh lebih pendedahan mengenai sistem kesihatan dan berupaya membangunkan kapasiti diri.

"Pengalaman ini akan menjadikan pegawai lebih matang, empati dan berdaya tahan dalam mengharungi kerjaya sebagai penjawat awam.

"KKM juga sentiasa mengambil kira maklum balas berkaitan urusan penempatan dan per-



GAMBAR fail sekumpulan doktor kontrak yang menyertai Hartal Doktor Kontrak di Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh, Perak pada 26 Julai 2021.

tukaran serta perkara ini akan dikendalikan berdasarkan struktur jawatankuasa yang ditubuh-

kan," jelasnya.

Menurutnya, pelantikan pegawai perubatan kontrak ke jawa-

tan tetap pula telah dilaksanakan secara besar-besaran pada tahun 2022.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NASIONAL

KKM terima 1,843 rayuan urusan penempatan lantikan tetap

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima sebanyak 1,843 rayuan daripada pegawai perubatan untuk kekal di penempatan sedia ada mahupun bertukar ke penempatan lain susulan urusan penempatan bagi pelantikan tetap yang dibuat pada 9 hingga 24 Jun lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, mesyuarat Jawatankuasa Rayuan telah bersidang sebanyak dua kali bagi mempertimbangkan rayuan pegawai.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh wakil Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Pembangunan Kesiha-



DR MUHAMMAD RADZI

tan Keluarga dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam manakala Bahagian Sumber Manusia pula sebagai urus setia.

"Setelah diteliti justifikasi yang dikemukakan, mengambil kira kesinambungan perkhidmatan se-

cara menyeluruh dan faktor kekosongan jawatan, rayuan yang mempunyai asas kukuh telah diluluskan dan keputusan rayuan telah dimaklumkan kepada pegawai," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Tambah Dr Muhammad Radzi, KKM menghargai semua pegawai perubatan, pegawai pergigian serta pegawai farmasi yang telah melaporkan diri ke

tempat bertugas baharu pada 31 Julai lepas kerana mendahulukan kepentingan perkhidmatan.

"Melalui penempatan baharu ini, pegawai akan memperoleh lebih pendedahan mengenai sistem kesihatan serta berupaya membangunkan kapasiti diri dan pengalaman itu akan menjadikan pegawai lebih matang, empati dan berdaya tahan dalam mengharungi kerjaya sebagai penjawat awam," jelasnya.

Ulasnya, pelantikan pegawai perubatan kontrak ke jawatan tetap telah dilaksanakan secara besar-besaran pada 2022 dan diteruskan tahun ini dengan penawaran pelantikan tetap berdasarkan 4,263 kekosongan jawatan tetap di fasiliti kesihatan seluruh negara terutama di Sabah, Sarawak, Johor dan Pahang. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

224 doktor tolak tawaran ke Sarawak

PADAWAN: Sebanyak 224 daripada 619 pegawai perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menolak tawaran lantikan jawatan tetap ke Sarawak.

Seramai 50 pegawai perubatan KKM pula rela berstatus 'kontrak' kerana enggan melapor diri selepas ditawarkan lantikan tetap untuk berkhidmat di Bumi Kenyalang itu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, ada beberapa pegawai perubatan yang menerima tawaran, bagaimanapun telah memohon untuk melanjutkan pengajian.

"Kita telah menerima 619 pegawai perubatan yang ditawarkan ke jawatan tetap di Sarawak dan juga yang telah lapor diri adalah sebanyak 395 orang. Tetapi pada masa yang sama, terdapat 55 pegawai doktor yang telah melapor diri namun memohon untuk melanjutkan pelajaran.

"Selain itu, seramai 49 pegawai yang masih membuat penangguhan, ini kita sedang tunggu kerana mereka terima tawaran tetapi hanya menagguhkan kedatangan ke Sarawak.

"Manakala, 50 orang menolak maksudnya tidak menerima penempatan dan menolak

tawaran untuk mendapat jawatan tetap di negeri Sarawak," katanya dalam sidang akhbar semasa lawatan kerjanya ke fasiliti kesihatan di Klinik Siburan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengemas kini status jumlah lantikan doktor tetap yang melapor diri ke Sarawak baru-baru ini.

Ujar Lukanisman, daripada jumlah tawaran berkenaan iaitu 70 orang masih lagi belum memberi maklumat jawapan sama ada menerima atau menolak lantikan tersebut.

"Perkara ini telah dipantau dengan teliti oleh Jabatan Kesi-

hatan Negeri Sarawak (JKNS) dan kita cukup yakin setelah semua pegawai perubatan ini melapor diri ke fasiliti kesihatan sama ada klinik ataupun hospital di Sarawak, kita akan mendapat maklumat yang lengkap.

"Malah, kita turut akui beberapa faktor kedatangan pegawai perubatan ini mungkin menimbulkan sedikit masalah adalah kerana kita akui bahawa fasiliti penempatan, mak-sudnya kita mempunyai klinik ataupun hospital di luar bandar yang baik, tetapi kita berdepan masalah kekurangan tempat tinggal," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Isu penempatan doktor: KKM terima 1,843 rayuan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@medai.mulla.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan sebahagian daripada 1,843 rayuan pegawai perubatan untuk kekal di penempatan sedia ada mahupun bertukar ke penempatan lain selepas penawaran pelantikan tetap berakhir 24 Jun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pelantikan pegawai perubatan kontrak ke jawatan tetap dilaksanakan secara besar-besaran sejak tahun lalu dan urusan tersebut diteruskan pada tahun ini dengan penawaran pelantikan tetap berdasarkan 4,263 kekosongan jawatan di fasiliti kesihatan seluruh negara.

Ini terutamanya negeri yang mempunyai kekosongan tinggi



KKM menghargai semua pegawai perubatan serta pegawai pergigian dan pegawai farmasi yang melaporkan diri ke tempat bertugas baharu pada 31 Julai lalu."

**MUHAMMAD RADZI
ABU HASSAN**

seperti Sabah, Sarawak, Johor dan Pahang demi mengharapkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di seluruh

negara menjadi lebih baik dan berkesan.

Menurut beliau, mesyuarat Jawatankuasa Rayuan bersidang sebanyak dua kali bagi mempertimbang rayuan pegawai melibatkan wakil Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam dengan Bahagian Sumber Manusia sebagai urus setia.

"Setelah diteliti justifikasi yang dikemukakan, mengambil kira kesinambungan perkhidmatan secara menyeluruh dan faktor kekosongan jawatan, rayuan yang mempunyai asas kukuh diluluskan dan keputusan rayuan telah dimaklumkan kepada pegawai.

"Justeru, KKM menghargai semua pegawai perubatan serta pegawai pergigian dan pegawai

farmasi yang melaporkan diri ke tempat bertugas baharu pada 31 Julai lalu kerana mendahulukan kepentingan perkhidmatan," katanya dalam kenyataan semalam.

Muhammad Radzi berkata, melalui penempatan baharu itu, pegawai akan memperoleh lebih pendedahan mengenai sistem kesihatan dan berupaya membangunkan kapasiti diri.

Katanya, pengalaman tersebut akan menjadikan pegawai lebih matang, empati dan berdaya tahan dalam mengharungi kerjaya sebagai penjawat sektor awam.

"KKM juga sentiasa mengambil kira maklum balas berkaitan urusan penempatan dan pertukaran dan perkara ini akan dikendalikan berdasarkan struktur jawatankuasa yang ditubuhkan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : FORUM



JARINGAN kerjasama antara sektor awam dan swasta adalah penting untuk menyediakan rawatan pergigian dengan harga berpatutan kepada golongan berpendapatan rendah di klinik swasta.

Caj tinggi klinik swasta punca ramai abai kesihatan gigi

SAUDARA PENGARANG,

KAJIAN saintifik menunjukkan kesihatan pergigian sering diabaikan apabila keluarga menghadapi tekanan kewangan berikutan mengutamakan keperluan asas lain.

Kajian di negara ini juga menunjukkan faktor sosioekonomi seperti pendapatan dan status sosial memainkan peranan penting dalam akses dan penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian.

Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) menunjukkan hanya 23 peratus individu yang mengalami masalah gigi menggunakan perkhidmatan pergigian. Kajian ini juga menunjukkan kebergantungan penduduk yang tinggi (80.7 peratus) terhadap perkhidmatan kesihatan pergigian awam, manakala perkhidmatan swasta kebanyakannya diakses oleh penduduk bandar. Dalam kalangan mereka yang menggunakan perkhidmatan ini, hampir dua daripada lima individu membayar kos rawatan menggunakan duit poket sendiri. Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan akses dan kemampuan rakyat bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan pergigian.

Walaupun klinik kerajaan menyediakan rawatan pergigian bersubsidi dengan bayaran minimum, namun tempoh dan senarai menunggu lebih lama berbanding klinik swasta. Selain itu, akses ke klinik pergigian kerajaan dan swasta melibatkan kos

tambahan terutama pengangkutan. Rawatan kompleks seperti pembuatan gigi palsu dan rawatan akar sering memerlukan beberapa lawatan ke klinik sekali gus mambabitkan kos pengangkutan agak tinggi dan kos tambahan seperti bayaran tempat letak kenderaan.

Untuk menangani cabaran ini, tindakan perlu diambil untuk meringankan beban golongan terkesan dengan menyediakan bantuan kelengkapan asas penjagaan gigi seperti berus gigi dan ubat gigi berfluorida secara berkala kepada mereka.

Selain itu, bantuan kewangan bagi membolehkan individu berpendapatan rendah menerima rawatan pergigian diperlukan. Pengecualian cukai atau kemasukan penjagaan pergigian dalam perlindungan insurans swasta bagi kumpulan pendapatan lain juga boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan tekanan kewangan.

Akhir sekali, jaringan kerjasama antara sektor awam dan swasta adalah penting untuk menyediakan rawatan pergigian dengan harga berpatutan kepada golongan berpendapatan rendah di klinik swasta. Pendekatan ini dapat memperluas ketersediaan perkhidmatan yang secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada klinik kerajaan.

DR. NOR AZLIDA MOHD NOR dan DR. AINOL HANIZA KHERUL ANUWAR
Universiti Malaya

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION / NEWS

PLACEMENT FOR PERMANENT APPOINTMENTS

MINISTRY RECEIVES 1,843 APPEALS

Health D-G says appeals with solid justification have been approved

KUALA LUMPUR

THE Health Ministry has received 1,843 appeals from medical officers to remain in their existing placement or be transferred following the new placements for permanent appointments made from June 9 to 24.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the Appeals Committee had met twice to consider the officers' appeals.

The committee comprises representatives from the Medicine Development, Family Health Development and Public Health Development divisions, with the Human Resources Division acting as the secretary.

"After reviewing the justification presented, taking into account the continuity of service as

a whole and the vacancy factor, appeals which have a solid basis have been approved and the officers have been informed of the appeal decision," he said in a statement yesterday.

Dr Radzi said the ministry appreciated all medical officers as well as dental and pharmacy officers, who had reported to their new places of duty on July 31, for putting the interest of service first.

"Through this new placement, officers will gain more exposure to the health system and be able to increase their capability.

"This experience will make them more mature, empathetic and resilient in their career as civil servants."



People lining up to get prescription medicine at Serdang Hospital. Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan (inset) says the offer of permanent appointment is based on the 4,263 permanent job vacancies at health facilities nationwide, especially in Sabah, Sarawak, Johor and Pahang. PIC BY AIZUDDIN SAAD

He said the ministry always took into consideration feedback related to placements and transfers and these matters would be handled based on the structure of the

committee that had been set up. Dr Radzi said the appointment of contract medical officers to permanent positions was implemented on a large scale in 2022 and continued this year, with the

offer of permanent appointment based on the 4,263 permanent job vacancies at health facilities nationwide, especially in Sabah, Sarawak, Johor and Pahang. **Bernama**

Gleneagles Hospital Johor unveils nuclear medicine unit

JOHOR BARU: The inception of Gleneagles Hospital Johor's Nuclear Medicine Unit will significantly benefit patients by enabling early detection and diagnosis of diseases.

Gleneagles Hospital Johor (GHJ), known in the medical faculty as the leader in advanced healthcare solutions, invested almost RM40 million to acquire state-of-the-art Nuclear Medicine Unit.

GHJ chief executive officer Dr Kamal Amzan said the cutting-edge facility marks a significant milestone in the hospital's unwavering commitment to deliver exceptional care to patients while meeting the healthcare needs of local communities.

Patients requiring nuclear medicine imaging or therapy can now receive the necessary care, including early detection and diagnosis. This will allow them to get treatment immediately as it is a crucial factor in achieving positive health outcomes.

The unit is equipped with the latest technology and staffed by a team of highly skilled professionals, enabling precise diagnoses and effective treatment options, especially



Gleneagles Hospital Johor chief executive officer Dr Kamal Amzan said by integrating diagnostics and treatment, GHJ aims to transform the landscape of cancer care. PIC COURTESY OF GLENEAGLES HOSPITAL JOHOR

for Johoreans who sought treatment from neighbouring states and countries.

Now, Johor has a medical facility that will not only attract patients-in need nationwide, but also contribute to the medical tourism sector.

"The establishment of the unit in

Johor will help revolutionise healthcare accessibility by eliminating the need for patients to travel long distances and the associated expenses for specialised treatments," Dr Kamal said.

He said the Nuclear Medicine Unit has already proven its value in cancer



A full digital positron emission tomography-computed tomography (PET-CT) scanner provides clearer images.

detection. Cancer patients get expedited screenings and accurate diagnoses, enabling swift interventions and personalised treatment plans.

"At GHJ, our vision is to provide exceptional cancer care to our community.

"By integrating diagnostics and treatment, GHJ aims to transform the landscape of cancer care, ensuring that patients receive timely, advanced and compassionate care.

"This unit also contributes to the growth and development of the local healthcare ecosystem.

"By consolidating advanced medical technologies and expertise, GHJ is attracting skilled professionals to Johor, and creating employment opportunities," he added.

To learn more about Gleneagles Hospital Johor's Nuclear Medicine Unit or to schedule an appointment, please visit www.gleneagles.com.my/medini-johor or contact +607 560 1000.

KKLIU Approval No: KKLIU 1912/
End date: 31.12.2025
Reference: 16/2023/P/79

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

1,843 appeals involving MOs resolved, says Health DG

PETALING JAYA: A total of 1,843 appeals involving the placement and transfer of medical officers have been dealt with, says Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

He said the appeals were received following large-scale appointments of contract medical officers to permanent positions since last year.

"After examining the justification presented and taking into account the continuity of service as a whole and vacancy factor, appeals with solid justifications have been approved," he said.

Dr Muhammad Radzi, however, did not reveal the number of appeals accepted.

He said the appeals were checked and considered by an appeals committee comprising representatives from the divisions of Medicine Development, Family Health Development and Public Health Development with the Human Resources Division acted as the secretary.

He said new placements had been made between June 9 and 24 to ensure smooth operations at health facilities in the country.

"The ministry appreciates all medical workers, as well as dental and pharmacy officers who have reported to their new places of duty on July 31, for putting the interest of national service first.

"Through this new deployment, officers will gain more exposure about the health system and will be able to increase their capability.

"This experience will make them more mature, empathetic and resilient in their career as a civil servant," he said.